

KPT mahu perkukuh hubungan univiersiti-industri, utamakan penyelidikan berasaskan impak - Zambry

• Oleh Berita Harian- 22 June , 2026 @ 01:45 pm



Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir. - Foto BERNAMA

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) kini mempergiat usaha memperkukuh hubungan antara universiti awam dan industri bagi meningkatkan kadar pengkomersialan hasil penyelidikan negara. Menteriya, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir menyatakan bahawa kerajaan kini beralih kepada pendekatan penyelidikan berasaskan impak untuk memastikan setiap hasil kajian dapat diterjemahkan kepada nilai ekonomi dan manfaat industri, berbanding kaedah terdahulu yang lebih bersifat berasaskan penerbitan semata-mata. Melalui strategi ini, sebanyak lima universiti penyelidikan terus diperkasakan untuk menerajui bidang kritikal seperti keterjaminan makanan, teknologi hijau, kejuruteraan termaju dan kecerdasan buatan (AI).

Menjawab soalan di Dewan Rakyat hari ini, beliau mendedahkan strategi berkenaan telah membuahkan hasil apabila lebih 200 produk penyelidikan universiti awam berjaya dikomersialkan, manakala 286 teknologi serta pengetahuan berjaya dilesenkan kepada pihak industri dalam tempoh 2022 hingga 2024. Sebagai langkah ke hadapan, KPT dijadualkan bakal menganjurkan Sidang Kemuncak Penyelidikan, Inovasi dan Pelaburan Universiti pada September ini bagi menghubungkan pihak industri serta pelabur secara langsung, sekali gus memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai hab pelaburan teknologi dan inovasi utama di Asia.